

Plat Kaca

Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3, Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 Kuala Lumpur.

(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).



1300 888 990



customer@libertyinsurance.com.my



www.libertyinsurance.com.my

BAHAWASANYA Pihak Diinsuranskan melalui Cadangan dan Perisytiharan yang merupakan asas kontrak ini dan disifatkan sebagai digabungkan dalam dokumen ini telah memohon kepada **LIBERTY GENERAL INSURANCE BERHAD** (kemudian daripada ini disebut "Syarikat") bagi insurans yang terkandung selepas ini dan telah membayar atau bersetuju untuk membayar Premium sebagai balasan kepada insurans tersebut.

SEKARANG POLISI INI MENYAKSIKAN bahawa jika sepanjang tempoh insurans terdapat pecahan (yang bagi tujuan Polisi ini tidak termasuk kerosakan akibat calar) terhadap mana-mana kaca dalam Premis dan dinyatakan dalam Jadual Syarikat akan membayar atau mengganti kepada Pihak Diinsuranskan nilai intrinsik Kaca bersama-sama dengan kos bagi apa-apa yang selanjutnya sementara menunggu penggantian tertakluk pada had nilai.

KEKECUALIAN

Syarikat tidak bertanggungjawab terhadap

1. pemecahan kaca yang disebabkan oleh atau berlaku akibat kebakaran atau letupan.
2. apa-apa akibat daripada perang pelanggaran tindakan musuh asing permusuhan (sama ada perang telah diisytiharkan atau tidak) perang saudara pemberontakan revolusi pencerobohan kuasa ketenteraan atau rampasan mogok rusuhan atau kekecohan awam.
3. apa-apa akibat daripada taufan banjir hurikan letupan gunung berapi gempa bumi atau apa-apa konvulsi alam semula jadi.
4. apa-apa salah gambaran tentang Kaca tersebut dan melainkan dinyatakan dengan jelas bahawa semua Kaca hendaklah dianggap tak berhias dan daripada jenis biasa berkilat berkualiti dan tanpa cetak timbul sadur perak berseni huruf lenturan atau kerja hiasan apa-apa jenis pun.
5. pemecahan Kaca tersebut semasa tidak terpasang.
6. pemecahan apa-apa seni huruf yang dinyatakan dalam Jadual melainkan pemecahan tersebut disebabkan atau akibat daripada pemecahan Kaca yang terlekat.
7. kerosakan pada bingkai atau rangka apa-apa jenis pun.
8. pembuangan atau penggantian apa-apa pemasangan atau pelekapan dengan tujuan untuk menggantikan kaca.
9. kerugian kemusnahan atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh atau disumbang melalui atau timbul daripada
 - a) sinaran pengionan atau pencemaran oleh keradioaktifan daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear atau apa-apa kerugian turutan dan bagi tujuan kekecualian ini pembakaran hendaklah memasukkan apa-apa proses mampu diri belahan nuklear.
 - b) bahan senjata nuklear.

SYARAT

1. Polisi ini dan Jadual hendaklah dibaca bersama-sama sebagai satu kontrak dan apa-apa perkataan atau pernyataan yang membawa maksud khusus di mana-mana bahagian Polisi ini atau Jadual hendaklah membawa maksud tersebut di mana-mana sahaja ia mungkin muncul.
2. Pematuhan dan penunaian sewajarnya akan Terma Polisi ini selagi ia berkaitan dengan apa-apa sahaja yang dilakukan atau tidak dilakukan oleh Pihak Diinsuranskan dan kebenaran pernyataan dan jawapan dalam cadangan merupakan syarat yang mendahului mana-mana liabiliti Syarikat untuk membuat apa-apa pembayaran di bawah Polisi ini.
3. Setiap notis atau komunikasi yang diberi atau dibuat di bawah Polisi ini hendaklah dihantar serah secara bertulis ke Ibu Pejabat atau mana-mana Cawangan Pejabat atau Agensi Syarikat.
4. Jika terdapat apa-apa pindaan terhadap Premis atau sewaan subsewaan penghunian terhadap atau perniagaan yang dijalankan di dalam Premis atau jika Premis akan menjadi tidak sah atau tidak digunakan lagi kemudiannya dan dalam setiap keadaan tersebut butiran mesti diberitahu kepada Syarikat dengan serta-merta dan jika risiko bertambah Syarikat mempunyai pilihan untuk mengenakan caj premium tambahan yang sesuai atau enggan untuk meneruskan insurans.
5. Dalam kejadian bagi apa-apa peristiwa yang menyebabkan sesuatu tuntutan dibuat di bawah Polisi ini Pihak Diinsuranskan hendaklah memberi notis serta-merta berkaitannya secara bertulis kepada Syarikat dan hendaklah memberi butiran lengkap tentang peristiwa tersebut dan tuntutan sedemikian dan hendaklah menyerahkan bukti sedemikian sebagaimana yang dikehendaki oleh Syarikat secara munasabah. Jika tiada tuntutan yang dibuat dalam masa lima belas (15) hari dari tarikh kejadian peristiwa tersebut Pihak Diinsuranskan hendaklah terkecuali daripada semua hak untuk mendapatkan kembali di bawah Polisi ini.
6. Semua salvaj adalah harta Syarikat dan mesti disimpan dengan cermat dan hendaklah menjadi pilihan Syarikat sama ada membayar kepada Pihak Diinsuranskan amaun nilai intrinsik dalam bentuk wang atau untuk membuat penggantian dengan kaca yang serupa pembuatan dan kualitinya. Dalam kejadian bagi mana-mana peristiwa yang menyebabkan tuntutan dibuat di bawah Polisi ini Syarikat dan Ejen mereka berhak untuk memasuki Premis atas semua tujuan musabah berkaitan dengan atau berhubung dengan insurans yang dengan ini berkuat kuasa.
7. Syarikat akan berkenaan dengan apa-apa sahaja diinsuranskan di bawah Polisi ini berhak untuk menggunakan nama Pihak Diinsuranskan termasuk membawa mempertahankan menguatkuasakan atau menjelaskan prosiding undang-undang bagi manfaat Syarikat.
8. Jika pada masa berlakunya apa-apa kejadian yang menyebabkan suatu tuntutan dibuat di bawah polisi ini terdapat mana-mana insurans lain yang melindungi risiko serupa sama ada dikuatkuasakan oleh Pihak Diinsuranskan atau tidak maka Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk menyumbang lebih daripada perkadaran kena bayar mereka terhadap apa-apa bayaran berkenaan dengan peristiwa tersebut.
9. Syarikat boleh memberi notis secara bertulis kepada Pihak Diinsuranskan melalui surat berdaftar ke alamat terakhir yang diketahui dengan memberi notis tujuh hari tentang niat mereka untuk menamatkan Polisi ini memulangkan atas permintaan suatu perkadaran Premium sepadan dengan tempoh insurans belum tamat.
10. Semua perbezaan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang Penimbang Tara yang dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang dalam pertikaian atau jika mereka tidak dapat bersetuju dengan seorang Penimbang Tara hendaklah dengan keputusan dua orang Penimbang Tara yang setiap seorang akan dilantik secara bertulis oleh setiap pihak

dalam satu masa bulan selepas dikehendaki secara bertulis untuk berbuat demikian atau sekiranya Penimbang Tara-Penimbang Tara tidak mencapai persetujuan dengan keputusan seorang Wasit yang dilantik secara bertulis oleh Penimbang Tara-Penimbang Tara sebelum memasuki rujukan. Wasit akan duduk dengan Penimbang Tara-Penimbang Tara dan menjadi pengerusi dalam mesyuarat mereka dan membuat Award adalah syarat yang mendahului apa-apa hak bertindak terhadap Syarikat. Kos bagi dan yang berhubung dengan penimbangtaraan hendaklah atas budi bicara Penimbang Tara-Penimbang Tara atau Wasit. Jika Syarikat hendak menafikan liabiliti kepada Pihak Diinsuranskan bagi apa-apa tuntutan di bawah polisi ini dan tuntutan tersebut hendaklah tidak dalam masa dua belas bulan dari tarikh penafian tersebut yang telah dirujuk kepada penimbangtaraan yang terkandung di bawah peruntukan dalam dokumen ini maka tuntutan hendaklah disifatkan bagi semua tujuan diserahkan dan selepas ini hendaklah tidak akan boleh didapatkan kembali menurut dokumen ini.

11. Ejen Syarikat tidak akan dalam sebarang hal memikul tanggungjawab secara peribadi berkaitan mana-mana undang-undang atau penyiasatan lain yang mungkin mereka dapati perlu untuk memuaskan Syarikat dan tidak boleh juga harta peribadi mereka dikaitkan dengan apa-apa tuntutan oleh Pihak Diinsuranskan. Jika Pihak Diinsuranskan akan memulakan prosiding tersebut terhadap Ejen, maka dengan ini diisytiharkan dan ditentukan bahawa Pihak Diinsuranskan hendaklah lucut hak dan dengan itu semua tuntutan terhadap Syarikat di bawah Polisi ini dan hendaklah selain itu bertanggungjawab terhadap semua perbelanjaan yang mungkin terakru berhubung dengan prosiding tersebut.

N.B Untuk perlindungan anda sendiri sila baca Polisi ini dan Syarat-syaratnya dan jika Polisi ini tidak diisi dengan betul atau mengikut niat anda kembalikannya semula ke pejabat untuk pindaan.

PENGENDORSAN/FASAL/WARANTI

(Tidak dimasukkan dalam Polisi ini melainkan dinyatakan dalam Jadual)

WARANTI PREMIUM

Adalah menjadi syarat khas yang asas dan mutlak bagi kontrak insurans ini bahawa premium yang kena dibayar mesti dibayar dan diterima oleh Penanggung Insurans dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi ini/pengendorsan/sijil pembaharuan.

Jika syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini terbatal secara automatik dan Penanggung Insurans hendaklah berhak terhadap premium prorata bagi tempoh mereka dalam risiko.

Apabila premium kena bayar menurut waranti ini diterima oleh ejen yang dibenarkan oleh Penanggung Insurans bagi tujuan waranti ini dan beban membuktikan bahawa premium kena bayar telah diterima oleh seseorang, termasuk ejen insurans yang tidak dibenarkan untuk menerima premium tersebut hendaklah terletak pada Penanggung Insurans.

FASAL PERNYATAAN SEMULA/FASAL NILAI PENGGANTIAN

Dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa sekiranya berlaku kerugian atau kerosakan terhadap apa-apa harta diinsuranskan (tidak termasuk stok) seperti yang diterangkan dalam Jadual dengan suatu tuntutan dibenarkan di bawah Polisi tanggung rugi hendaklah dikira berdasarkan kos penggantian atau pernyataan semula harta tersebut bagi jenis yang sama tetapi tidak lebih tinggi atau lebih mahal daripada nilai harta diinsuranskan ketika baru.

Tertakluk sebaliknya pada terma syarat dan kekecualian Polisi.

FASAL PEMBERITAHUAN KERUGIAN

Dengan tidak menyentuh apa-apa sahaja yang terkandung dalam polisi ini yang bertentangan adalah dipersetujui bahawa insurans ini tidak akan terjejas oleh apa-apa kelewatan tak sengaja, kesalahan atau kesilapan memberitahu Syarikat tentang apa-apa hal atau peristiwa yang timbul atau mungkin timbul terhadap tuntutan di bawah Polisi ini.

FASAL PERNYATAAN SEMULA KERUGIAN

Sebagai balasan terhadap Pihak Diinsuranskan yang mengaku janji untuk membayar premium tambahan pada kadar amaun kerugian yang dipersetujui yang dikira berdasarkan prorata dari tarikh kerugian tersebut sehingga tamat tempoh semasa insurans, adalah dipersetujui bahawa sekiranya berlaku kerugian insurans di bawah ini akan terus berkuat kuasa bagi jumlah penuh yang diinsuranskan.

NOTIS PENTING

1. Pihak Diinsuranskan hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau keterangan yang salah, atau jika perlindungan tidak memenuhi kehendak Pihak Diinsuranskan, Pihak Diinsuranskan hendaklah memaklumkan kepada Pihak Syarikat dan mengembalikan Polisi untuk membuat pembetulan sewajarnya.
2. Pihak Diinsuranskan yang tidak berpuas hati dengan tindakan atau keputusan Pihak Syarikat boleh mendapatkan bantuan melalui Unit Pengendalian Aduan kami dan sebagai alternatif, boleh juga mendapatkan pembelaan atau bantuan daripada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) atau melayari Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia yang beralamat seperti di bawah:

a) Unit Pengurusan Aduan

Liberty General Insurance Berhad

Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Pusat Hubungan Pelanggan
Liberty Insurance Tower,
CT9, Pavilion Damansara Heights,
3, Jalan Damanlela,
Pusat Bandar Damansara,
50490 Kuala Lumpur.
Tel. No.: +603 2268 3333 (Talian Am) atau

Maklumat hubungan untuk kesemua jenama kami boleh didapati di bawah:

Saluran Hubungan Liberty Insurance

Talian Khas Liberty Insurance: 1300 888 990
E-mel: customer@libertyinsurance.com.my
Laman Web: www.libertyinsurance.com.my

Saluran Hubungan Kurnia Insurans

Talian Khas Kurnia Insurans: 1 800 88 3833
E-mel: customer@kurnia.com
Laman Web: www.kurnia.com

Saluran Hubungan AmAssurance

Talian Khas AmAssurance: 1 800 88 6333
E-mel: customer@amassurance.com.my
Laman Web: www.amassurance.com.my

b) Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)

(dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)

No. Syarikat: 200401025885
Talian Am: +603 2272 2811
Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala Lumpur
Laman Web: www.fmos.org.my

POLISI PLAT KACA



c) **BNMLINK**

Bank Negara Malaysia

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.

e-Pautan: bnm.gov.my/BNMLINK

Laman Web: www.bnm.gov.my

3. Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).